

Pendekatan Islam Tangani Penagihan Dadah

ZAHIDHAMIDI.COM

March 04, 2017

Penagihan dadah merupakan masalah utama yang mengancam Malaysia. Malaysia telah mengisytiharkan bahawa dadah adalah musuh utama negara ini. Kerajaan telah membelanjakan jutaan ringgit dalam menyediakan dan mengekalkan pusat pemulihan di seluruh negara. Di samping itu, penagihan dadah juga menyumbang kepada penyebaran masalah sosial di Malaysia. Pelbagai kaedah dan usaha telah diambil oleh kerajaan dan sektor swasta untuk mengurangkan peratusan ketagihan dadah dikalangan masyarakat Malaysia. Kerajaan juga berusaha menubuhkan pusat pemulihan di seluruh negara dengan kaedah pemulihan untuk menangani masalah ini. Istilah “ketagihan dadah” atau “ketagihan ubatan” yang sering digunakan merujuk kepada penyalahgunaan bahan psikoaktif yang haram. Sebaliknya, dalam beberapa tahun kebelakangan ini terdapat peningkatan besar dalam bilangan orang yang menghadiri pemulihan dadah bagi menerima bantuan pengawalan ketagihan kepada ubat-ubatan farmaseutikal yang telah dipreskripsikan.

Sektor swasta dan NGO mempunyai pendekatan berdasarkan penjagaan yang tulen dan keprihatinan bagi kesejahteraan penagih dadah, keluarga mereka dan masyarakat sekeliling. Sebagai contoh, PENGASIH dan MASAC telah menubuhkan pusat pemulihan dengan kaedah pendekatan mereka sendiri. Kerajaan akan memperluaskan pendekatan keagamaan dan kerohanian atau “Inabah” kepada semua Pusat Pemulihan Cure and Care (CCRC) di negara ini dalam usaha untuk menangani penagihan dadah. Pendekatan ‘Inabah’ adalah program khas yang dipegang sebagai satu penyelesaian alternatif kepada pemulihan dengan menggunakan pendekatan rohani dan agama yang berkaitan serta diiktiraf oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK).

Pendekatan ‘Inabah’ mampu menjadi alternatif kepada kaedah konvensional semasa yang melibatkan pembahagian methadone, yang dilihat telah menyebabkan ketagihan kesan sampingan baru. ‘Inabah’ atau pendekatan agama dan rohani mampu menyembuhkan ketagihan dadah. Ia juga boleh digabungkan dengan pendekatan konvensional atau

saintifik untuk meningkatkan keberkesanan pemulihan yang diprogramkan. 'Inabah' juga memastikan pemulihan jangka panjang, bukan sahaja untuk penagih Islam, tetapi juga bagi yang bukan Islam.

Pendekatan 'Inabah', yang telah dilaksanakan di Sungai Ruan CCRC sejak 2015, telah terbukti berjaya dalam menyembuhkan ketagihan dadah dan mengekalkan tahap penawar pelatih berdasarkan perubahan dalam sikap dan tingkah laku mereka. Kerajaan akan memastikan bahawa pendekatan itu akan diperluaskan ke semua CCRC dengan peruntukan daripada kerajaan dan bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Tanggungjawab untuk memerangi penyalahgunaan dadah di negara ini tidak boleh diamanahkan hanya kepada kerajaan semata-mata, tetapi juga ia perlu dipikul oleh setiap rakyat, ibu bapa dan agensi-agensi lain. Isu masalah sosial seperti penagihan dadah harus diatasi sebelum hasrat negara untuk menjadi antara 20 negara terkemuka dalam pelbagai bidang menjelang 2050 iaitu menerusi Transformasi Nasional 2050 (TN50). Ibu bapa dan masyarakat perlu sedar akan kepentingan untuk menjadi model contoh yang baik. Kesan negatif penyalahgunaan dadah menjejaskan bukan sahaja kepada individu yang ketagihan dadah tetapi juga dikalangan keluarga, rakan-rakan mereka, sektor perniagaan dan kerajaan Malaysia. Kesan ekonomi akibat penyalahgunaan dadah yang teruk akan membebankan kerajaan persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan dan, akhirnya pembayar cukai.

Pemulihan penagihan dadah yang diprogramkan melalui pendekatan keagamaan dan kerohanian telah membantu mereka menemui jalan cahaya dalam menyelesaikan masalah penagihan dadah. Pendekatan agama yang lain juga mempunyai cara mereka tersendiri untuk melakukan rawatan pemulihan dan dalam Islam, rawatan adalah berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah. Saya menggalakkan kita memberi penekanan tentang kepentingan institusi kekeluargaan dengan menghabiskan masa berkualiti bersama dan memastikan bahawa, kuatnya ikatan kekeluargaan yang mendalam, insyaAllah.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/pendekatan-islam-tangani-penagihan-dadah/>